

*Kertaskerja*

**TEMA HARI KEBANGSAAN WADAH PENYATUAN BANGSA  
-Satu pemerhatian-**

Oleh : Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba  
Temburong.  
30hb Mac 2005 – Dewan Chancellor UBD

**MUKADIMAH**

Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaan penuhnya pada 1hb Januari 1984. Kesan daripada kemerdekaan yang sudah sekian lama itu, setentunya rakyat dan penduduk negara ini telah melihat dan mengalami serta menikmati arus perubahan, perkembangan dan pembangunan negara secara menyeluruh.

Nikmat kemerdekaan yang telah banyak dikecapi setentunya menuntut pengorbanan, komitmen dan perubahan agar perisian kemerdekaan itu benar-benar bermakna dan dapat dimenafaatkan.

Banyak cara dan kaedah serta pendekatan dalam kita memberikan perisian kemerdekaan itu. Banyak landasan dan saluran untuk kita memberikan sumbangan dan penglibatan. Pokok pangkalnya terserah pada diri kita bagaimana untuk sama-sama terlibat dalam memberikan makna kemerdekaan tersebut.

Dalam usaha untuk menanamkan sifat dan sikap serta pemikiran yang positif pada misal, rakyat dan penduduk negara ini telah dibawa untuk sama-sama merenung dan membuat perubahan serta tindakan melalui suntikan semangat yang pada setiap tahun dislogankan melalui tema-tema Sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan.

Setelah 21 tahun merdeka dan merayakan Sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan setentunya terdapat 21 tema telah dipilih.

Kita yakin pemikiran mengadakan tema dalam setiap sambutan perayaan berkenaan sudah tentu mempunyai signifikannya tersendiri, ada objektif dan hasrat yang ingin dicapai.

### ***IMBAS KEMBALI THEMA***

Seperti yang dinyatakan, terdapat 21 tema yang telah dipilih sejak Sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan NBD dirayakan sejak tahun 1985 hinggalah tahun 2005. Tema-Tema tersebut adalah seperti berikut:-

Tahun 1985 : Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan NBD

Tahun 1986 : Hari Kebangsaan NBD

Tahun 1987 : Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan

Tahun 1988 : Berdisiplin Cergas Berbudaya Negara Bahagia

Tahun 1989 : Berdikari Meningkatkan Kemakmuran Negara

Tahun 1990 : Perhubungan Berkesan Mengeratkan Perpaduan

Tahun 1991 : Bersatu Padu Mengekalkan Ketahanan Nasional

Tahun 1992 : Menanai Kedaulatan Tanah Airku

Tahun 1993 : Meneguhkan Kesejahteraan Tanah Airku

Tahun 1994 : Bangsa Cemerlang Tanah Air Gemilang

Tahun 1995 : Brunei Darussalam Tanah Airku

Tahun 1996 : Pembangunan Masyarakat Matlamat Negara

Tahun 1997 : Kemajuan Ekonomi Teras Kesejahteraan

Tahun 1998 : Membina Insani Yang Sempurna Dengan Pendidikan Bersepadu

Tahun 1999 : Siap Siaga Ke Alaf Baru

Tahun 2000 : Mengukuhkan Jati Diri Bangsa Di Alaf Baru

Tahun 2001 : Maju Bangsaku Sejahtera Negara Ku

Tahun 2002 : Memperkasa Keupayaan Bangsa

Tahun 2003 : Bangsa Berilmu Negara Maju

Tahun 2004 : Patriotisme Teras Ketegasan Negara

Tahun 2005 : Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa

### ***TEMA ADALAH WADAH***

Seperti yang dinyatakan, pemilihan tema memang mempunyai signifikan dan kepentingannya tersendiri disamping terdapat objektif yang ingin dicapai.

Terdapat perkataan-perkataan yang dijadikan "dasar" kepada tema-tema yang telah dicipta, diantaranya: BERSATU, BERDISIPLIN, BERDIKARI, PERPADUAN, MENANAI, SIAP SIAGA, JATI DIRI, MAJU, SEJAHTERA, MEMPERKASA, PATRIOTISME, BERSEPADU, MENDIRI. KETAHANAN, CEMERLANG, GEMILANG, MENEGUHKAN, SIAPSIAGA DAN LAIN-LAIN.

Bukan senang untuk menangkap maksud dan tidak mudah untuk memahami perkataan-perkataan dalam tema apatah lagi untuk mengertikan tema tersebut sepenuhnya, justeru pengertian tema-tema pilihan itu amat luas, apatah lagi untuk menghayatinya, dan menterjemahkannya ke dalam kehidupan bermasyarakat dan

bernegara, pada misal dalam konteks amalan bekerja, berkeluarga dan lain-lain.

Merujuk Kamus Dewan, **TEMA** membawa makna, "*subjek yang menjadi dasar sesuatu pembicaraan, wacana, karangan, cerita atau tajuk pokok*". **WADAH** pula memberikan pengertian, "*bekas [tempat] untuk mengisi atau diisi sesuatu ATAU alat, asas, medan, saluran untuk melakukan atau menyampaikan sesuatu*".

Dengan pengertian tema yang sangat jelas diatas dan melihat kepada pengertian "Wadah" dalam konteks sebagai alat, asas, medan, saluran untuk menyampaikan sesuatu, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa "tema" yang berupa dasar kepada wacana/tajuk Sambutan boleh diterima sebagai "wadah" untuk menyampaikan dan seruan untuk melakukan apa yang dihasratkan dalam pengertian perkataan-perkataan yang ditonjolkan dalam tema-tema yang telah dipilih. Tema juga dapat ditafsirkan sebagai satu slogan, ajakan, pengajaran dan peringatan.

Contoh-Contoh:-

- a. Perhubungan Berkesan Mengeratkan Perpaduan [1990] – [Pengajaran]
- b. Brunei Darussalam Tanah Airku [1995] { Slogan }
- c. Siap Siaga Ke Alaf Baru [ 1999] {Peringatan}
- d. Membina Insani Yang Sempurna Dengan Pendidikan Bersepadu[1998] { Ajakan }

Dalam konteks pengertian diatas maka bolehlah diterima bahawa Tema Sambutan Hari Kebangsaan adalah salah satu wadah untuk menyatukan bangsa yang didasari dengan perkataan-perkataan sebagai suntikan semangat yang disalurkan melalui tema-tema berkenaan.

Memang jelas kepada kita bahawa pada setiap tema yang dicipta bersempena sambutan berkenaan adalah berupa satu seruan dan

hasrat yang jika diimplementasikan oleh semua lapisan masyarakat kitani nescaya itulah yang dicerminkan dan menjadi budaya masyarakat.

Jika semua lapisan masyarakat menterjemahkan tema-tema berkenaan dengan menjurus kepada yang dihasratkan meskipun dalam bentuk dan kaedah yang berlainan, maka kesatuan bangsa akan dapat dilihat dari aspek dan sudut yang ditekankan oleh tema.

### ***KESAN TEMA***

Memang tidak dapat dinafikan terdapat dua implikasi iaitu POSITIF dan NEGATIF tanggapan dan kesan daripada tema.

Salah satu cara untuk mengetahui keberkesanan peranan tema-tema yang telah diutarakan adalah melalui pengamatan kedalam realiti kehidupan masyarakat, melalui sikap dan pemikiran serta tindak tanduk yang secara langsung mencerminkan budaya masyarakat dan bangsa.

### ***KESAN POSITIF***

Dapat kita lihat beberapa sikap positif yang memang telah sedia ada pada diri individu dan kumpulan masyarakat kita yang menunjukkan peningkatan dari segi kualiti dan kuantitinya. Diantara sikap-sikap tersebut adalah:-

- Bersatu padu
- Bangga dengan jati diri
- Ingin berusaha sendiri [berdikari/mandiri]
- Yakin dan bersemangat
- Ingin maju

- Ada daya saing yang tinggi
- Berdisiplin
- Matang
- Prihatin dan lain-lain

Tidak dapat dinafikan sikap-sikap positif tersebut sedikit sebanyak meningkat perlahan dengan adanya suntikan semangat melalui tema-tema Sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan yang telah diadakan.

Dengan meningkatnya sikap-sikap positif setiap individu dan masyarakat maka kualiti individu dan masyarakat juga akan meningkat. Peningkatan yang menyeluruh tersebut setentunya akan memberikan satu kesan yang sangat bermakna kepada masyarakat dan negara.

### ***KESAN NEGATIF***

Sifat dan sikap yang berlawanan dapat diperhatikan adalah yang menjurus kepada sikap-sikap yang negatif. Sikap yang tidak memberikan apa-apa kebaikan dan keuntungan kepada masyarakat dan negara. Diantara sikap-sikap negatif yang ketara berlarutan dijadikan budaya adalah:-

- Malas ingau
- Kurang bersemangat [ acuh tak acuh]
- Tidak ingin berusaha lebih
- Lebih suka jadi penonton daripada terlibat
- Tiada semangat daya saing
- Cepat mengalah dan berputus asa

- Hanya melihat pada benda/perkara-perkara yang negatif
- Suka menyalahkan orang lain / hanya tahu mengeritik
- Pentingkan diri sendiri
- Kurang semangat patriotisme dan lain-lain

Individu atau masyarakat yang membudayakan dengan sikap negatif dalam sesebuah masyarakat dan negara bolehlah dianggap sebagai "Pokok Binalu" - menikmati kesenangan dibawah usaha dan pengorbanan orang lain malah sanggup untuk memusnahkan orang lain asalkan diri selamat dan berjaya.

Sehubungan itu, jelas bahawa sikap-sikap negatif tersebut tidak mendatangkan apa-apa faedah bukan saja kepada pengamalanya malah juga pada masyarakat dan negara.

### ***KURANGNYA KEBERKESANAN & PENGHAYATAN TEMA***

Tidak dinafikan, tema-tema yang telah dipilih setiap tahun telah cuba untuk diserapkan disemua lapisan masyarakat, di semua daerah dan disemua pelusuk tanah air melalui jerayawara, makluman dan penerangan serta penganalisan terhadap tema melalui media eletronik dan media cetak.

Kan halnya tidak dapat diketahui berapa ramai orang-orang kitani yang benar-benar mengerti dan memahami pengertian tema-tema tersebut apatah lagi untuk menjelmakanya dalam realiti kehidupan mereka.

Dengan kaedah soalan-soalan rambang secara lisan dan bertulis, berikut dicatatkan "respond" diantara faktor yang dianggap boleh mengurangkan keberkesanan dan mengurangkan penghayatan tema-tema tersebut:-

- Tidak dapat memahami dan tidak mengerti bukan saja pengertian tema, malah perkataan tema itu sendiri tidak diketahui pengertiannya yang sebenar.
- Kurang/tidak memahami maksud dan kehendak tema sebenar, kerana tema dipaparkan secara simbolik dengan perkataan-perkataan yang jarang digunakan dan ada yang baru digunakan.
- Bersikap senghaja tidak ingin memahami dan senghaja tidak mahu mengerti apa yang dimaksudkan dengan tema itu sendiri.
- Berfikiran dan berpendapat bahawa tema bukan elemen penting. Apa pun tema, ada atau tiada tema, namun Hari Kebangsaan tetap disambut setiap tahun.
- Beranggapan bahawa tema Sambutan Hari Kebangsaan tidak/kurang kaitannya dengan gaya/corak kehidupan mereka.
- Masih beranggapan tarikh kemerdekaan negara adalah pada 1hb Januari pada setiap tahun.
- Jerayawara / maklumat/ penerangan melalui media cetak dan elektronik masih belum dapat menggamit hati dan perasaan mereka
- Jerayawara yang dibuat tiada kesinambungannya sehingga keakar umbi. Penyebarluasan tema secara langsung tidak menyeluruh.
- Tidak terdapat penekanan yang berterusan dan berpanjangan untuk merealisasikan tema. Malah kita telah lupa sebetulnya apakah tema-tema yang pernah kita pilih selama ini.
- Kurangnya penglibatan. Lebih banyak yang bersifat "attending" dan bukannya "participating" dalam kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan penekanan tema.
- Perisian Sambutan Perayaan [pada hari sambutan – 23 Februari] patut di sepadui oleh seluruh lapisan masyarakat. Tidak elok jika



pada hari tersebut ada mereka yang pergi ke laut, menguruskan ladang, kebun, kedai dsb. Sedangkan pada waktu yang sama negara merayakan hari yang bersejarah. Jika tidak menyertai secara langsung dalam perhimpunan pun sekurang-kurangnya menonton siaran langsung di kaca television sudah menunjukkan penyertaan yang positif.

## **SARANAN**

Berikut pula adalah dapatan saranan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan penghayatan serta penterjemahan tema kedalam budaya hidup masyarakat.

- Mencipta tema yang mudah dan senang difahami oleh semua lapisan masyarakat dengan pengertian dan maksudnya yang cukup jelas.
- Adakan jerayawara yang melibatkan semua lapisan masyarakat – seperti dikampong-kampong dan disekolah-sekolah khusus untuk menerangkan pengertian tema sahaja.
- Membanyakkan lagi projek dan aktibiti yang menjurus kepada tema, bukan hanya terhad dalam tempuh sambutan tetapi biar berlarutan sepanjang tahun dan setiap masa asalkan bersesuaian dan tidak bercanggah dengan dasar negara.

## **PENUTUP**

Apapun anggapan, apapun pandangan dan apapun pemikiran, namun tema masih dianggap sebagai salah satu wadah untuk penyatuan bangsa, kerana maksud dan hasrat tema itu sendiri dicipta adalah memberikan kesedaran, seruan, slogan dan ajakan secara khusus kepada masyarakat agar sama-sama menjelmakan hasrat dan kehendak tema tersebut dalam realiti kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Sudah jelas andainya tema-tema tersebut dapat dijelmakan oleh semua lapisan masyarakat maka negara akan

bertambah mantap, membangun, dan sejahtera justeru semua lapisan masyarakatnya bersatu, ada sikap dayasaing, daya maju dan seribu satu macam sikap positif yang boleh dijelmakan hasil dari suntikan tema yang dicipta setiap tahun.

Mari kita amat-amati diantara isi kandungan Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 21 pada 23Hb Februari 2005 lepas yang boleh kita ambil dan hubungkaitkan dengan kesan tema sambutan.

- Dalam tempuh lebih dua puluh tahun menikmati kemerdekaan, kita telah membangun dan memajukan negara dengan sepenuh hati dan semangat.
- Meskipun terdapat masyarakat yang berbilang bangsa [antarabangsa] namun usaha-usaha dan keperihatinan untuk pembangunan negara didukung oleh semua pihak.
- Terdapat ciri-ciri kematangan dalam bernegara yang telah ditunjukkan melalui gaya hidup yang lebih maju dan berdikari.
- Tanpa sikap maju dan prihatin, negara tentunya akan kekal ditakuk lama dan mesti bersedia untuk menerima celaan.
- Usaha mengisi kemerdekaan adalah mengambil bentuk proses evolusi tetapi cergas dan berterusan. Sebab itu apapun pencapaian / perolehan sentiasa relevan kepada kehendak dan keperluan negara.

Demekianlah serba ringkas beberapa catatan yang dicetuskan melalui hasil pemerhatian dan ditambah oleh pemikiran-pemikiran untuk dijadikan bahan renungan dan sukat-sukat.

Dalam kita berusaha kearah kemajuan kita tidak sepatutnya akan berasa "berpuas hati dan berbangga" dengan apa yang telah kita capai, sebaliknya akan terus berusaha dengan lebih gigih justeru

menilai bahawa apa yang diusahakan selama ini ternyata masih banyak kekurangannya.

Semogalah catatan yang memberikan kelainan pendekatan ini tidak dilihat dari sudut negatif tetapi sebaliknya akan dapat diterima sebagai " Check and balance" untuk kemajuan Bangsa dan Negara Brunei Darussalam.

Sekian Wassalam.